

KAJIAN TEMATIK TENTANG ‘BINTANG’ DALAM PERSPEKTIF HADIS BERDASARKAN KUTUB SITTAH

Mohd Asmadi Yakob
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
E-mail: asmadi716@uitm.edu.my

Thuraya Ahmad
Universiti Sains Malaysia (USM)
Pulau Pinang

Nur Nafhatun Md Shariff
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

Zety Sharizat Hamidi
Institut Sains (UiTM)
Fakulti Sains Gunaan
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

ABSTRAK

Salah satu objek yang terdapat di langit dan banyak kali disebut dalam hadis ialah bintang-bintang. Sungguhpun bintang-bintang sangat jauh, namun dalam kehidupan seharian, bintang-bintang amat dekat dengan manusia. Ini kerana kita biasa menggunakan istilah-istilah ‘bintang’ seperti ‘bintang hati’, ‘bintang popular’, ‘bintang filem’ dan sebagainya. Kebanyakan perkataan ‘bintang’ digunakan dengan makna *majazi* dan jarang digunakan dengan makna *hakiki*. Perkataan bintang juga seringkali digunakan untuk menunjukkan kepada kehebatan, ketinggian atau keutamaan. Dalam hadis Nabawi, terdapat beberapa kalimah yang boleh diterjemahkan sebagai bintang seperti *al-Najm*, *al-Nujūm*, *al-Kawkab*, *al-Kawakib* dan *al-Thurayya*. Dari segi tematik, lafaz yang merujuk kepada makna bintang itu dibincangkan oleh Rasulullah SAW dari pelbagai sudut samada ianya berkaitan dengan akidah, analogi atau kadangkala penggunaan tersebut mempunyai implikasi hukum yang tersendiri. Justeru itu, kertas kerja ini mengumpul dan menganalisis hadis-hadis Rasulullah SAW dalam *Kutub Sittah* berkaitan dengan bintang-bintang dari sudut makna dan tema. Dengan menggunakan metode kualitatif, kajian ini mendapati terdapat sejumlah hadis yang membincangkan tentang bintang-bintang dalam beberapa tema utama sama ada dalam bentuk maknanya secara *hakiki* atau secara *majazi*.

PENDAHULUAN

Bintang merupakan satu kalimah yang sering digunakan oleh manusia walaupun bintang bukanlah objek yang berada di bumi. Makna *hakiki* bintang ialah satu objek yang berada di cakerawala yang beribu-ribu banyaknya yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Selain daripada makna *hakiki*, kalimah bintang juga banyak digunakan

dengan makna *majazi* dan penggunaan kalimah ini sering melambangkan ketinggian, kehebatan, kemasyhuran, kemuliaan, istimewa atau keutamaan. Kebiasaannya makna *majazi* mengambil dari sifat hakiki bintang iaitu sesuatu yang terletak amat tinggi di langit dan yang mengeluarkan cahayanya sendiri.. Malah objek bintang juga sering digunakan untuk perlambangan sesuatu perkara seperti bendera dan jata sesebuah negara, logo sesebuah sesebuah organisasi dan persatuan, darjah-darjah kebesaran dan sebagainya.

Dalam agama Islam, perkataan yang memberi makna bintang juga sering disebut dalam dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadith. Dalam al-Quran terdapat dua kalimah yang boleh diterjemahkan secara langsung sebagai bintang iaitu *al-Najm* (jamaknya *al-Nujūm*) dan *al-Kawkab* (jamaknya *al-Kawakib*). Selain itu, al-Quran juga pernah menggunakan perkataan *al-Tariq*, *al-Masabih*, *al-Buruj*, *al-Syi'ra* dan *al-Khunnas*. Manakala dalam hadis pula perkataan *al-Najm*, *al-Nujūm*, *al-Kawkab*, *al-Kawakib* dan *al-Thurayya* sahaja yang kami temui dalam *Kutub Sittah* dan tidak menemui perkataan-perkataan lain.

Dalam al-Quran, Allah SWT menggunakan perkataan *al-Najm* dan *al-Kawkab* dengan maksud sebenar iaitu merujuk kepada bintang-bintang yang berada di langit. Menurut pakar tafsir di kalangan tabiin iaitu Imam Qatadah, Allah SWT menciptakan bintang-bintang dengan tiga tujuan utama iaitu sebagai i) hiasan langit dunia, ii) alat untuk merejam syaitan dan iii) sebagai petunjuk arah. (Ibn Kathir, 2004). Manakala dalam hadis-hadis Nabi, penggunaan kalimah yang memberikan maksud bintang seringkali dengan makna *majazi* sama ada berbentuk analogi ataupun Nabi menggunakan perkataan bintang dengan makna hakiki tetapi mempunyai maksud dan tujuan yang tersendiri dalam aspek akidah atau ibadah.

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini merupakan satu kajian kualitatif tentang tema dan makna bintang-bintang yang digunakan dalam hadis-hadis Nabi SAW. Kajian ini akan menggunakan metodologi kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif, walaupun kurang digunakan di dalam akademia. Walaupun demikian, kaedah ini amat berkesan bagi menganalisis corak dan tema dalam mana-mana sumber rujukan bagi meluaskan lagi ruang penyelidikan dalam bidang pengetahuan yang spesifik. (Ahmad Irfan, Ishak Suliaman, 2015).

Dalam kajian ini, kami hanya akan memfokuskan pencarian hadis dalam *Kutub Sittah* yang mengandungi maksud bintang. Kajian kami terhadap *Kutub Sittah* menemui beberapa kalimah yang memberi maksud bintang atau merujuk kepada bintang iaitu *al-Najm*, *al-Nujūm*, *al-Kawkab*, *al-Kawakib*, *al-Thuraya* dan *al-Tariq*. Semua perkataan ini dianalisis dari sudut tema dan makna yang digunakan dalam hadis tersebut.

Perkataan 'al-najm' dan 'al-kawakab' bagi masyarakat Arab sejak jahiliah bukan sepertimana maksud penamaan bidang astronomi sekarang. Setiap objek yang selain bulan yang bercahaya di langit termasuk meteoroid dikira 'al-Najm'. Al-'Askariy ada menjelaskan bahawa 'al-Najm' adalah umum, cuma yang kelihatan besar dikira 'al-Kawkab'; atau yang terus kelihatan di langit dikira 'al-Kawkab' dan yang tidak selalu muncul dinamakan 'al-najm'. Oleh sebab yang demikian, orang Arab memanggil penilik nasib sebagai 'al-munajjim' bukan 'al-mukawkab' kerana beliau menilik berdasarkan kemunculan objek di langit. (al-'Askariy, 1412H).

Bagi mengumpulkan data iaitu hadis dan terjemahannya, kami memilih beberapa laman web iaitu:

1. Ensiklopedia Hadis Kitab 9 Imam keluaran Lidwa
2. Ensiklopedi Kitab 9 Imam Hadis dalam <http://www.infotbi.com/hadis9/>
3. Terjemahan hadis oleh penyelidik UiTM dalam <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/> dan <https://www.hadithportal.com/>.
4. Laman web Maktabah Shamela dalam, <https://shamela.ws/>
5. Laman web hadis portal dalam <https://www.hadithportal.com/>

Selain itu, bagi mendapatkan matan hadis, kami turut melakukan semakan silang dengan edisi cetakan dengan menggunakan buku *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah* terbitan *Dar al-Salam lil Nasyr wa al-Tawzi'*.

PERKATAAN-PERKATAAN YANG MEMBERI MAKSUD BINTANG DALAM HADIS

Sebagaimana kitab suci al-Quran, terdapat beberapa perkataan dalam hadis yang boleh diterjemahkan sebagai bintang iaitu *Al-Najm*, *al-Nujūm*, *Al-Kawkab*, *Al-Kawakib* dan *al-Thurayya*. Penulis mengambil terjemahan ini berdasarkan beberapa versi terjemahan hadis dalam bahasa Indonesia dan Malaysia iaitu terjemahan hadis dalam Ensiklopedi Hadits terbitan Pustaka Lidwa, Ensiklopedi Kitab 9 Imam Hadis di <http://www.infotbi.com/hadis9/> dan terjemahan penyelidik UiTM di <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>.

Perkataan *al-Najm* merupakan perkataan utama yang memberi makna bintang. Jamak bagi perkataan ini ialah *al-Nujūm*. Dalam al-Quran perkataan *al-Najm* disebut sebanyak 10 kali manakala perkataan *al-Nujūm* di sebut sebanyak 3 kali. Manakala hadis-hadis pula agak banyak menggunakan perkataan *al-Najm* dan *al-Nujūm* bagi maksud bintang berbanding dengan perkataan-perkataan lain.

Perkataan kedua yang memberi maksud bintang ialah perkataan *al-Kawkab* yang jamaknya ialah *al-Kawākib*. Perkataan ini menimbulkan sedikit pertikaian di kalangan ahli bahasa dan ahli tafsir kerana ada yang memberi makna sebagai planet dan ada yang memberi makna bintang. Khairussaadah Wahid (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Perbandingan Pentafsiran Tentang Planet Dalam Al-Quran dan Astronomi Moden* cenderung untuk mengatakan makna *al-Kawkab* dan *al-Kawākib* sebagai planet berdasarkan hujah-hujah berikut:

1. Pandangan ahli bahasa seperti Ibn Manzur, al-Harawi, al-Razi dan al-Farabi tentang lafaz *al-kawkab* dan *al-Kawākib* ini keseluruhannya cenderung menyatakan ianya merujuk kepada planet.
2. Berdasarkan ilmu falak, *al-kawkab* dan *al-Kawākib* merupakan objek samawi yang beredar mengelilingi matahari dan memantulkan cahaya matahari.
3. Berdasarkan pandangan para mufasirin, kebanyakan mereka lebih cenderung menyatakan bahawa ianya merujuk kepada planet dengan mengambil kira ciri-ciri fizikal yang terdapat dalam nas-nas tersebut.
4. Planet dan bintang merupakan dua objek yang berbeza berdasarkan ciri-ciri khusus yang dimiliki oleh kedua-dua objek samawi ini. Justeru itu, lafaz *al-Najm* merujuk kepada bintang manakala lafaz *al-kawkab/ al-Kawākib* merujuk kepada planet.

Walaupun bagaimanapun menurut Muhammad bin 'Ali bin Jamil al-Mitri *al-Kawkab* (2014) dan *al-Najm* tidak mempunyai perbezaan dari sudut makna kerana kedua-duanya boleh diterjemahkan sebagai

bintang. Fikrah yang membezakan makna lafaz *al-Kawkab* sebagai planet dan *al-Najm* sebagai bintang adalah fikrah ahli astronomi barat yang mengatakan *al-Najm* adalah jasad samawi yang panas, berapi dan bercahaya, manakala *al-Kawkab* pula ialah jasad samawi yang tidak semestinya panas dan tidak bercahaya. Mengikut takrifan ini bumi dan bulan termasuk sebagai *al-Kawkab* manakala matahari termasuk dalam *al-Najm*. Beliau membidas pandangan ahli astronomi Barat ini dengan beberapa hujah:

1. Perakuan pakar-pakar bahasa seperti Fairuz Abadi dan Ibn Sayyidah yang tidak membezakan lafaz *al-Kawkab* dan *al-Najm*.
2. Allah SWT menjelaskan bahawa Dia mencipta bumi (*al-Ardh*) sebelum mencipta langit (*al-Sama'*), kemudian Allah SWT mencipta langit dan segala perhiasannya termasuklah *al-Kawkab*. Jadi sekiranya penciptaan tersebut dalam masa berbeza, bagaimana nak menamakan bumi juga sebagai *al-Kawkab*. Perkara ini disebut dalam al-Quran, dengan firmanNya yang bermaksud:
Dia lah yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Surah al-Baqarah, 2: 29).
Firman Allah lagi yang bermaksud:
Lalu Dia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa; dan Dia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing. Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. (Surah Fussilat, 41: 12)
3. Menurut al-Allamah Bakr bin Zayd, satu kesilapan menamakan *al-Ardh* (bumi) sebagai *Kawkab* kerana *kawkab* berada di atas manakala *al-Ard* berada di bawah dan tidak boleh menamakan *al-Ardh* sebagai salah satu *kawkab* kerana fungsi *kawkab* juga sebagai alat yang menghasilkan rejaman kepada syaitan dan fungsi ini tidak ada pada bumi. (Bakr bin Zayd, 1996)
4. Penamaan *al-Syams* (matahari) sebagai *al-Najm* dan *al-Qamar* (bulan) sebagai *kawkab* juga tidak sesuai kerana dalam al-Quran matahari dan bulan bukan daripada *nujum* dan *kawkab*. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud :
Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari, bulan, dan bintang-bintang. (Surah al-Hajj, 22: 18)

Setelah membaca dan meneliti hujah-hujah di atas, penulis cenderung untuk menerima pandangan yang kedua iaitu *al-Najm* dan *al-Kawkab* boleh diterjemahkan sebagai bintang-bintang tetapi tidak menafikan lafaz *al-Kawkab* juga boleh diterjemahkan sebagai planet. Antara hujah-hujah kami ialah:

1. Ahli-ahli tafsir tidak sependapat tentang makna *al-Kawkab* dalam al-Quran sebagai planet.
2. Ahli-ahli bahasa juga tidak sependapat tentang makna *al-Kawkab*. Sebahagian mereka mengatakan sebagai bintang dan sebahagian lagi mengatakan planet.
3. Hadis-hadis Nabi pula menggunakan kalimah *najm* dan *kawkab* bagi menjelaskan situasi dan perkara yang sama. Contohnya dalam analogi Nabi terhadap bilangan bekas minuman di telaga Nabi, ada hadis yang menggunakan lafaz *al-Najm*¹ dan ada hadis yang menggunakan lafaz

¹ Maksud penuh hadis tersebut;

*kawkab*². Sekiranya *kawkab* itu merujuk kepada planet, mana mungkin bilangan bekas minuman di telaga nabi adalah lapan sahaja.

4. Sebagai rumusannya penulis berpandangan bahawa lafaz *kawkab* merupakan satu lafaz umum dan boleh digunakan untuk maksud bintang dan juga planet.

Selain daripada *najm* dan *kawkab*, Nabi SAW juga pernah menggunakan kalimah *al-Thurayya* untuk merujuk perkataan bintang. Menurut ilmu falak, *al-Thurayya* merujuk kepada satu gugusan bintang yang terletak di buruj Lembu Jantan (*Taurus*). Bintang *thurayya* ini di langit yang terbit pada bulan Jun Manakala, masyarakat Melayu mengenalinya sebagai Bintang Tujuh (*Pleiades*) Kecerahan Bintang Tujuh ialah 1.59 magnitud³ jika diamati, ia umpama lampu tergantung (*chandelier*).

Disebabkan itu, berbanding bintang lain, bintang *thurayya* lebih dikenali oleh masyarakat Arab sebagai *al-Na'ir* dan juga *al-Najm* (M.P. Branch, 2016; Siddiq Hassan Khan, 1992) dan sering digunakan untuk tanda dan alamat tertentu seperti menjadi petanda musim panas di Hijaz dan seiring dengannya buah-buahan di sana matang dan bersih daripada hama (Ibn Hajar, 2015).

TEMA-TEMA YANG MEMBERI MAKNA BINTANG DALAM KUTUB SITTAH

Hasil pengumpulan data, Jadual di bawah merupakan maklumat mengenai tema-tema hadis yang memberi makna bintang yang terdapat dalam Kutub Sittah.

Tema	Perkataan	Nombor hadis	Riwayat (Kitab)
Bintang sebagai objek samawi			
- Heraclius sebagai ahli astronomi pada zamannya	al-Nujūm	6	Bukhari
- Selalu memandang bintang	al-Nujūm	4157	Abu Dawud
- Bintang jatuh	Al-Kawkab	323	Muslim
- Fungsi bintang sebagai alat rejaman syaitan	al-Nujūm	3247	Tarmizi
Fugsi bintang			
- Sebagai rejaman bagi syaitan	Najm bermakna al-Shabb (meteor) dijelaskan oleh lafaz Bukhari	كتاب السلام، باب: باب تحريم الكهانة وإتيان الكهان	Muslim
Akidah			
- Larangan tanjim (membuat ramalan)	al-Nujūm	3406 3716	Abu Dawud Ibn Majah
	Al-Kawkab	801	Bukhari
	Al-Kawkab	980	Bukhari

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya telagaku lebih jauh daripada jarak Ailah dengan Adn. Sungguh ia lebih putih daripada salju, dan lebih manis daripada madu yang dicampur susu. Dan sungguh, wadahnya lebih banyak daripada jumlah bintang (*najm*) (Muslim, 364)

² Itu adalah sungai di surga yang janjikan Rabbku kepadaku. Padanya banyak kebaikan. Padanya juga ada telaga yang digunakan untuk minum oleh umatku pada hari kiamat yang bekas minumannya sejumlah bintang-bintang di langit. (*kawkab*) (Abu Dawud, 4122)

³ Sebagai panduan, bintang tercerah ialah Sirius (-1.59 magnitud). Jadinya, bintang tujuh, agak cerah. Untuk memahami skala kecerahan, semakin kecil nombor, bermakna semakin cerah. Eg. Matahari -26 magnitud

	Al-Kawkab	3832	Bukhari
	Al-Kawkab	104	Bukhari
	Al-Kawkab	106	Bukhari
	Al-Kawkab	3407	Abu Dawud
	Al-Kawkab	1507	Al-Nasa'i
	Al-Kawkab	1508	Al-Nasa'i
	al-Kawākib	105	Muslim
- Iktibar kisah Nabi Ibrahim	Al-Kawkab	287	Muslim
- Syirikkan Allah dengan bintang Najm	Najm	البخاري: أبواب	Bukhari & Muslim
	maksudnya		
	bintang al-	الاستسقاء، باب قول الله	
	Mijdah atau al-	تعالى ﴿وَجَعَلُونَ رِزْقَكُمْ	
	Dabarān)	أَنْكُمْ تَكْذِبُونَ﴾، مسلم:	
	(Aldebaran)	المغازي، باب غزوة الحديبية	
	dijelaskan oleh		
	al-Nasa'i dlm		
	bab		
	كراهية استمطار		
	بالكوكب		
Al-Quran			
- Nama surah dan galakan sujud tilawah ketika membaca surah al-Najm	Al-Najm	1009	Bukhari
	pendapat	1011	
	Mujahid dari ibn	3676	
	Abbas;	3564	
	maknanya al-	4484	
	Thurayya. Ia jg	1011	
	pandangan	4485	
	Sufyan al-		
	Thawri dan	902	Muslim
	pandangan	903	
	pilihan al-		
	Tabariy kerana	950	Al-Nasa'i
- Surah al-Najm sebagai bacaan solat Nabi SAW	org Arab biasa	951	
	bila itlaqkan al-		
	najm, maksud	1188	Abu Dawud
	mereka al-	1197	
	Thurayya		
	(Pleiades)	1045	Ibn Majah
	Lihat tafsir al-		
	Tabariy	6801	Bukhari
- Sebab penurunan ayat 75 hingga 82 surah al-Waqi'ah		107	Muslim
Analogi			
- Memberi gambaran banyaknya bekas minuman di telaga Rasulullah SAW	al-Nujūm	4583	Bukhari
		4291	Ibn Majah
		4292	Ibn Majah
		607	Muslim

		364	
		4259	
		4262	
	al-Kawākib	6103	Bukhari
	al-Kawākib	4251	Muslim
	al-Kawākib	4255	Muslim
	al-Kawākib	4122	Abu Dawud
	Kawakib	2369	Tarmizi
	al-Kawākib	894	Nasa'i
- Memberi gambaran kelebihan Salman al-Farisi	Al-Thurayya	4518	Bukhari
		4618	Muslim
		4619	Muslim
		3868	Tarmizi
- Memberi gambaran kelebihan sahabat Nabi sebagai pententeram ummah	al-Nujūm	4596	Muslim
- Memberi gambaran kelebihan ahli syurga	Al-Najm	2461	Tarmizi
	Al-Kawkab	3016	Bukhari
	Al-Kawkab	6071	Bukhari
	Al-Kawkab	5058	Muslim
	Al-Kawkab	5059	Muslim
	Al-Kawkab	2479	Abu Dawud
- Memberi gambaran tentang sifat ahli syurga	Al-Kawkab	93	Ibn Majah
	Kawkab	3007	Bukhari
	Kawkab	3014	Bukhari
	Kawkab	3080	Bukhari
	Kawkab	5062	Muslim
	Kawkab	5063	Muslim
	Kawkab	2457	Tarmizi
	Kawkab	2458	Tarmizi
- Memberi gambaran tentang kelebihan orang yang berilmu	Kawkab	4324	Ibn Majah
	al-Kawākib	3157	Abu Dawud
	al-Kawākib	2606	Tarmizi
	al-Kawākib	219	Ibn Majah
Hukum Hakam			
- Larangan melewati solat maghrib	al-Nujūm	354	Abū Dāwūd
- Solat kusuf sehingga waktu malam	al-Nujūm	681	Ibn Majah
- Nabi menjamak solat maghrib dan isyak	al-Nujūm	1001	
- Sahabat menjamak solat maghrib dan isyak	al-Nujūm	1021	Abu Dawud
- Waktu solat sunat fajar	al-Nujūm	1029	Abu Dawud
	al-Nujūm	593	Nasa'i
- Waktu solat witr	al-Nujūm	584	Nasa'i
	al-Nujūm	3197	Tarmizi
	Nujūm	510	Al-Nasa'i

- Solat jama'	Al-najm dengan maksud al-simāk, ada 2 (sama ada spica atau arcturus)	إقامة الصلاة والسنة فيها، باب ما جاء في الوتر بركعة	Ibn Majah
- mukatabah	al-Nujūm al-Nujūm, maknanya pembayaran berdasarkan peredaran dan kedudukan objek langit ⁴	باب جواز الجمع بين الصلاتين في السفر. المزاعة باب الكتابة	Muslim Al-Nasa'i

Jadual di atas adalah tema-tema yang berkaiatan dengan bintang berdasarkan lafaz *al-Najm*, *al-Nujūm*, *al-Kawkab*, *al-Kawākib* dan *Thurayya*. Pembentukan tema tersebut disusun berdasarkan konteks bintang yang terdapat dalam hadis-hadis tersebut. Nombor-nombor hadis pula adalah mengikut nombor yang terdapat dalam terjemahan hadis Kutub Sittah terbitan Lidwa dan nombor hadis itu juga bersamaan dengan Ensiklopedi Kitab 9 Imam Hadits dalam web <http://www.infotbi.com/hadis9/>

TEMA PERTAMA : BINTANG SEBAGAI OBJEK SAMAWI

Dalam hadis-hadis Nabawi, kebanyakan ungkapan *al-Najm*, *Al-Kawkab* dan lafaz-lafaz lain adalah merujuk kepada bintang sebagai satu objek samawi. Namun ia mempunyai maksud dan tujuan tertentu sama ada sebagai satu bentuk analogi, merujuk kepada surah *al-Najm* atau Nabi SAW ingin menyatakan hukum-hukum tertentu berdasarkan kedudukan bintang-bintang di langit.

Walaupun, ada ketika hadis-hadis tersebut menjelaskan tentang bintang secara hakiki. Contohnya sebuah hadis yang menyatakan fungsi bintang sebagai pengimbang (*amanatun*) langit. Apabila bintang-bintang ini hilang⁵, maka langit akan tertimpa apa yang telah dijanjikan⁶. maksud dari perkataan tersebut bahawasanya bintang memiliki posisi penting dalam penstabilan tata suria. Selama ia masih ada, langit akan tetap stabil, jika bintang telah rosak maka akan datang hari kiamat, atau hari yang telah dijanjikan.

Terdapat juga sebuah hadis yang menyebut seorang pengkaji bintang pada zaman Nabi SAW iaitu Heraclius Maharaja Rom sebagai mana ungkapan berikut⁷ (وَكَانَ هِرَقْلُ حَزَاءً يَنْظُرُ فِي النُّجُومِ) yang bermaksud Heraclius adalah seorang ahli bintang yang selalu memperhatikan perjalanan bintang-bintang.

⁴ al-Wallawiy, 'Aliy ibn `Adam ibn Mūsā. (2003). *Dhakhīrat al-`uqbā fī sharḥ al-Mujtabā*. Mekah: Dār `Āl Barūm. Cet. 1. 31/221.

⁵ Hilang ini mungkin dapat ditafsirkan sebagai kematian bintang.

⁶ Maksud penuh hadis tersebut;

Bintang-bintang ini merupakan stabilisator langit. Apabila bintang-bintang tersebut hilang, maka langit akan tertimpa apa yang telah dijanjikan. Aku adalah penenteram para sahabatku. Kalau aku sudah tidak ada, maka mereka, para sahabatku, akan tertimpa apa yang telah dijanjikan. Para sahabatku adalah penenteram umatku. Apabila para sahabatku telah tiada, maka umatku pasti akan tertimpa apa yang telah dijanjikan kepada mereka." (Muslim: 4596)

⁷ Sebuah hadis yang panjang. Kata-kata tersebut bukanlah daripada Nabi sebaliknya ia adalah penceritaan perawi tentang kelebihan Maharaja Rom. Lihat (Bukhari, 6)

Dalam sebuah hadis lain, ada seorang perawi yang bernama Salam al-Alawiyy dan semasa mengulas hadis ini Abu Dawud menyatakan bahawa istilah al-‘Alawiyy bukan merupakan keturunan Ali bin Abi Talib tetapi orang itu gelar al-‘Alawiyy kerana beliau selalu memandang bintang-bintang. Kedudukan bintang-bintang yang tinggi itu menjadi sebab gelaran al-Alawiyy diberikan. (Abu ‘Abdullah Syarf al-Haq al-Abadi).

Dalam hadis yang lain, fungsi bintang turut dijelaskan sebagai rejaman kepada syaitan.⁸ Hadis ini sebagai penguat apa yang disebut dalam ayat lima surah al-Mulk. al-Najm dalam hadis ini bermaksud ‘al-shihāb’ iaitu meteor sebagaimana dijelaskan oleh hadis panjang lebar yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas, di antaranya tentang perbualan syaitan:

Maka mereka berkata: “Telah terhadang antara kita dan perkhawaran di langit, dan dilontarkan kepada kita al-shuhub (kata jama’ bagi al-shihāb)”.....⁹

TEMA KEDUA: AKIDAH (LARANGAN MENGAMALKAN ILMU RAMALAN / TANJIM)

Hadis tentang larangan belajar dan mengamalkan ilmu tanjim terdapat dalam beberapa hadis Nabi SAW pernah melarang pengamalan ilmu tanjim atau juga dikenali sebagai ilmu astrologi¹⁰. Terdapat lagi sebuah hadis yang melarang membuat ramalan tentang turunnya hujan berdasarkan kedudukan bintang-bintang.¹¹

Menurut Ibn Taimiyah *tanjim* adalah meramal kejadian-kejadian di bumi berdasarkan petunjuk keadaan bintang. Menurut Qatadah, Allah menciptakan bintang-bintang ini untuk tiga hal iaitu sebagai penghias langit, sebagai pelempar syaitan dan sebagai tanda bagi orang untuk mengenal arah seperti buruj Belantik sebagai petunjuk arah Kiblat bagi mereka yang berada di Asia Tenggara. Maka, barangsiapa menafsirkan selain dari itu, ia telah salah dan menyia-nyiakan bahagiannya dan memaksakan diri dalam sesuatu yang ia tidak mengetahuinya. (Yazid bin ‘Abd al-Qadir Jawas, 2006)

⁸ Maksud penuh hadis tersebut;

Dari Ibnu Abbas, ia berkata; para jin naik ke langit untuk mendengarkan wahyu, apabila mereka mendengar satu kata maka mereka menambahkan sembilan. Adapun yang satu kata adalah kebenaran dan yang mereka tambahkan adalah kebatilan. Kemudian tatkala Rasulullah SAW diutus, mereka ditolak untuk menempati tempat-tempat mereka, kemudian mereka menyebutkan hal tersebut kepada Iblis. Dan tidaklah bintang-bintang dilempar sebelum itu. Kemudian Iblis berkata kepada mereka; tidaklah hal ini terjadi kecuali kerana suatu perkara yang telah terjadi di bumi. Kemudian ia mengirim pasukannya dan mereka dapatkan Rasulullah SAW sedang berdiri melakukan shalat di antara dua gunung. Seingatku (Said), Ibnu Abbas berkata; di Makkah. Kemudian mereka menemui Iblis dan mengabarkan kepadanya, lalu ia berkata; inilah yang terjadi bumi. (Tarmizi, 3247)

⁹ Sahih al-Bukhari. Kitab: Tafsir al-Quran, Bab: Sūrat; Qul `Ūhiya `ilay.

¹⁰ Maksud penuh hadis tersebut;

Barang siapa mengambil ilmu perbintangan, berarti ia telah mengambil satu cabang dari ilmu sihir, (yang) selalu bertambah selagi dia menambah. (Ibn Majah 3716)

¹¹ Maksud penuh hadis tersebut;

Daripada Zaid bin Khalid RA dia berkata; "Kami keluar bersama Rasulullah SAW saat perang Hudaibiyah, suatu malam hujan turun. Setelah Rasulullah SAW memimpin kami shalat Shubuh, beliau menghadapkan wajahnya kepada orang-orang seraya bersabda: "Tahukah kalian apa yang sudah difirmankan oleh Rabb kalian?". Para sahabat menjawab; "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Beliau bersabda: "Allah berfirman: "Di pagi ini ada hamba-hambaKu yang mukmin kepadaKu dan ada pula yang kafir kepadaKu. Orang yang berkata; "Hujan turun kerana karunia Allah dan rahmatNya, berarti dia telah beriman kepada-Ku dan kafir kepada bintang-bintang, sedangkan orang yang berkata; "Hujan turun disebabkan bintang ini atau itu, maka dia telah beriman kepada bintang-bintang dan kafir kepadaKu." (Bukhari, 3832)

Menurut Ibn Rejab al-Hanbali, ilmu nujum (perbintangan) terbahagi kepada dua jenis iaitu *ilmu al-Ta'thir* dan *ilmu al-Tasyir*. Ilmu al-Ta'thir ialah ilmu nujum yang meyakini bahawa bintang-bintang mempunyai pengaruh terhadap keadaan alam semesta. Ilmu ini termasuk syirik dan bukan ilmu yang bermanfaat. Ia menjadikan keadaan bintang, planet dan benda angkasa lainnya sebagai dasar penentuan berbagai peristiwa di bumi, baik sebagai sesuatu yang berpengaruh mutlak mahupun hanya sebagai isyarat yang menyertai peristiwa-peristiwa bumi. Jika dia percaya bahawa keadaan itu adalah faktor yang berpengaruh mutlak atas peristiwa-peristiwa bumi dengan tidak membezakan, baik kerana kekuatan dalamannya ataupun kerana izin Allah, maka dia termasuk dalam kalangan orang yang mensyirikkan Allah dengan tingkatan syirik besar dan telah keluar dari Islam.

Tetapi jika dia percaya bahawa keadaan itu hanya merupakan isyarat yang menyertai peristiwa-peristiwa bumi, maka dia dinyatakan sebagai musyrik dengan tingkatan syirik kecil yang bertentangan dengan kesempurnaan tauhid. Perbintangan tidak berpengaruh terhadap peristiwa-peristiwa yang ada di bumi. Anggapan tentang perbintangan berpengaruh terhadap peristiwa-peristiwa di bumi adalah termasuk berkata sesuatu atas nama Allah SWT tanpa ilmu.

Manakala Ilmu al-Tasyir pula ialah ilmu nujum yang tujuannya untuk memudahkan arah tujuan dalam perjalanan dan kemaslahatan agama. Ia menjadikan keadaan bintang dan benda angkasa sebagai petunjuk penentuan arah mata angin dan letak geografi suatu negara dan semacamnya. Jenis ini dibolehkan dalam Islam. Dari sinilah munculnya Hisab Takwim (penanggalan atau kalender), pengetahuan tentang akhir musim dingin dan panas, waktu-waktu pemuahan (tumbuhan dan haiwan), keadaan cuaca, hujan, penyebaran wabak penyakit dan sebagainya. (Yazid bin 'Abd al-Qadir Jawas, 2006)

TEMA KETIGA : AL-QURAN

Hadis-hadis tentang bintang yang bertemakan Al-Quran sebenarnya merujuk kepada surah al-Najm. Surah al-Najm merupakan antara surah-surah terawal yang diturunkan dan di akhir surah ini ada ayat menggalakkan pembaca al-Quran sujud. Surah ini dinilai juga sebagai surah pertama yang didalamnya terdapat ayat sejadah. (Quraish Shihab, 2012) Terdapat beberapa hadis yang menyatakan bahawa Nabi SAW membaca surah al-Najm dalam solat dan Nabi sujud tilawah pada akhirnya,¹²

Walau bagaimanapun ada juga hadis yang menyatakan Nabi SAW tidak bersujud apabila membacanya.¹³ Semasa mengulaskan hadis ini para ulama menyatakan bahawa Nabi tidak sujud kerana ketika membacanya kerana Zaid bin Thabit tidak sujud dan Nabi SAW pun tidak sujud dan ini menunjukkan sujud sajadah bukan lah satu perkara yang wajib (Sunan Tarmizi). Selain itu terdapat beberapa hadis yang menunjukkan bahawa surah al-Najm dibaca oleh Nabi SAW dalam solat-solat baginda.¹⁴

TEMA KEEMPAT : ANALOGI

¹² Maksud penuh hadis tersebut;

"Dari pada Ibnu 'Abbas RA bahawa Nabi SAW melakukan sujud tilawah ketika membaca surah Al-Najm. Begitu juga ikut sujud bersama Beliau dari kalangan Kaum Muslimin, Musyrikin, bangsa jin dan manusia.(Bukhari 1009)

¹³ Maksud penuh hadis tersebut;

Zaid bin Thabit RA berkata: "Aku pernah membaca surah Al-Najm untuk Nabi SAW dan baginda tidak melakukan sujud tilawah padanya. (Bukhari 1010)

¹⁴ Antaranya hadis 1188 dan 1197 Abu Dawud, 1045 Ibn Majah 107 Muslim

Sesuai dengan kedudukan bintang sebagai satu objek samawi yang dipandang tinggi, hebat dan banyak bilangannya, maka hadis-hadis Nabi sering memberi analogi terhadap bintang-bintang berdasarkan situasi ini. Antara analogi tersebut seperti kelebihan sahabat-sahabat nabi, kelebihan ahli dan sifat syurga, kelebihan orang yang berilmu, kelebihan Salman al-Farisi dan banyaknya bilangan bekas minuman di telaga Rasulullah SAW.

Antara analogi yang selalu diberikan oleh Nabi SAW ialah tentang kelebihan dan sifat ahli syurga dan terdapat banyak hadis tentang perkara ini. Antaranya nabi pernah menjelaskan dua golongan manusia yang memasuki syurga iaitu rombongan seperti bulan purnama dan rombongan berikutnya seperti bintang yang sangat terang cahayanya.¹⁵ Semasa menghuraikan perkara ini Umar Sulaiman al-Asyqar mengatakan perbezaan ini terdapat pada darjat ahli syurga tetapi tidak kepada sifat-sifat mereka seperti tidak buang air kecil dan besar, tidak sakit dan sebagainya (al-Asyqar, 282)

Dalam situasi yang lain, Nabi SAW pernah memberi satu analogi tentang kehebatan nikmat syurga dengan mengatakan seandainya seorang penghuni syurga muncul lalu gelang-gelangnya terlihat nescaya padamlah matahari seperti matahari melenyapkan cahaya bintang-bintang.¹⁶ Hadis ini memberi gambaran tentang rahmat Allah amat besar kepada orang beriman dan ia bertepatan dengan maksud hadis lain yang menyatakan bahawa Allah telah menciptakan 100 rahmat dan Dia menyimpan di sisiNya 99 rahmat dan Dia menghantar kepada semua makhluknya satu rahmat¹⁷

Dalam hadis-hadis yang lain, Nabi SAW memperihalkan tentang kelebihan dan darjat antara ahli-ahli syurga dengan mengatakan bahawa penghuni syurga memandang penghuni-penghuni di atas mereka sebagaimana mereka memandang bintang kejora yang terbit di ufuk timur atau barat disebabkan keutamaan di antara mereka.¹⁸ Hadis ini menggambarkan darjat-darjat penghuni syurga yang mana darjat yang bawah akan memandang darjat yang lebih tinggi daripada mereka seumpamanya bintang-bintang di atasnya.

Dalam situasi yang lain pula, Nabi SAW juga pernah memberi gambaran tentang kelebihan sahabat-sahabat baginda dengan memberi satu analogi dengan bintang-bintang yang menjadi objek yang menstabilkan langit. Apabila bintang-bintang tersebut hilang, maka langit akan tertimpa apa yang telah dijanjikan iaitu kiamat. Di akhir hadis tersebut Nabi menggambarkan sahabat-sahabat baginda sebagai penstabil kepada ummat dan apabila sahabat-sahabat baginda telah tiada maka umat Islam akan tertimpa apa yang telah dijanjikan.¹⁹

¹⁵ Maksud penuh hadis tersebut;

Rombongan pertama yang memasuki surga rupa mereka bagaikan bulan saat purnama dan rombongan berikutnya yang mengiringi mereka bagaikan bintang yang sangat terang cahayanya. (Bukhari, 3007)

¹⁶ Maksud penuh hadis tersebut;

Nabi SAWbersabda: "Andai yang dibawa kuku dalam surga terlihat niscaya antara sisi-sisi langit dan bumi akan terhiasi kerananya, andai seorang penghuni surga muncul lalu gelang-gelangnya terlihat niscaya padamlah matahari seperti matahari melenyapkan cahaya bintang-bintang.(Tarmizi, 2461)

¹⁷ (Al-Bukhari 5988)

¹⁸ Maksud penuh hadis tersebut;

"Penghuni surga memandang penghuni kamar-kamar dari atas mereka sebagaimana mereka memandang bintang kejora yang terbit di ufuk timur atau barat disebabkan keutamaan di antara mereka. (Bukhari, 3016)

¹⁹ Maksud penuh hadis tersebut;

Bintang-bintang ini merupakan stabilisator langit. Apabila bintang-bintang tersebut hilang, maka langit akan tertimpa apa yang telah dijanjikan. Aku adalah penenteram para sahabatku. Kalau aku sudah tidak ada, maka mereka, para sahabatku,

Nabi SAW juga pernah memberi analogi terhadap kelebihan Salman al-Farisi dengan mengatakan sekiranya keimanan itu ada di al-Thurayya (gugusan bintang Pleiades), nescaya keimanan itu tetap akan diperoleh oleh sekelompok atau seseorang dari mereka itu.²⁰ Hadis ini diucapkan oleh Nabi SAW ketika Baginda SAW memuji salah seorang sahabat Baginda SAW iaitu Salman al-Farisi yang mana beliau merupakan salah seorang berbangsa Parsi. Syeikh Mulla Ali al-Qari ketika mensyarahkan hadis ini mengatakan ia berkemungkinan kerana kesungguhan Salman al-Farisi di dalam mencari kebenaran atau cahaya hidayah. Pujian Nabi dalam hadis ini mungkin membawa maksud kepada orang atau bangsa 'ajam keseluruhannya dan bukannya hanya Parsi sahaja kerana kesemua itu tergolong dalam orang-orang yang belum mendapat hidayah ataupun ia hanya khusus kepada bangsa Parsi sahaja dan bukannya bangsa selain Parsi. (Mirqah al-Mafatih, 9/4005)

Analogi Nabi SAW terhadap bintang juga diberikan kepada orang-orang yang berilmu berbanding dengan orang awam sebagaimana sabdaan Baginda seumpama keutamaan bulan purnama ke atas seluruh bintang.²¹ Dan ini menggambarkan cahaya bulan purnama itu lebih terang yang jelas berbanding dengan cahaya bintang-bintang yang malap dan terlalu jauh dengan bumi.

TEMA KELIMA: HUKUM HAKAM

Bintang-bintang merupakan satu objek samawi yang muncul pada waktu malam dan hadis-hadis hukum yang berkaitan dengan bintang-bintang juga kebanyakan hukum yang berlaku pada waktu malam. Tidak banyak hadis hukum yang boleh dikaitkan dengan bintang-bintang, secara umumnya terdapat tiga tema sahaja tentang hadis hukum iaitu tentang larangan melewatkan solat maghrib, solat jamak antara maghrib dan isyak dan juga waktu solat fajar.

Nabi SAW melarang umat Islam daripada melewatkan solat Maghrib²² sehingga bintang-bintang di langit nampak dengan jelas. Seperti yang kita maklum, waktu solat maghrib bermula apabila piring Matahari terbenam di ufuk dan waktunya sangat singkat. Adalah tidak wajar umat Islam melewatkan solat tersebut sehingga hampir waktu Isyak yang mana pada waktu itu bintang-bintang sudah banyak di langit.²³

Terdapat banyak juga hadis yang menceritakan Nabi SAW solat jamak jamak ta'akhir Maghrib dan Isyak apabila telah masuk waktu malam dan bintang-bintang mulai banyak di langit.²⁴ Nabi juga pernah

akan tertimpa apa yang telah dijanjikan. Para sahabatku adalah penenteram umatku. Apabila para sahabatku telah tiada, maka umatku pasti akan tertimpa apa yang telah dijanjikan kepada mereka. (Muslim 4596)

²⁰ Maksud penuh hadis tersebut;

Rasulullah SAW meletakkan tangannya pada Salman dan bersabda: "Sekiranya keimanan itu ada di gugusan bintang, niscaya keimanan itu tetap akan diperoleh oleh sekelompok atau seseorang dari mereka itu (Orang-orang Parsi)." (Bukhari 4518)

²¹ Maksud penuh hadis tersebut;

Sungguh, keutamaan seorang alim dibanding seorang ahli ibadah adalah ibarat bulan purnama atas semua bintang. (Ibn Majah 219)

²² Maksud penuh hadis tersebut;

Umatku akan senantiasa dalam kebaikan atau di atas fithrah selama mereka tidak mengakhiri shalat Maghrib hingga semua bintang-bintang nampak. (Abu Dawud 354)

²³ Tiga waktu solat boleh ditentukan dgn pergerakan ketara matahari (zohor, asar, maghrib). Akan tetapi, isyak dan Subuh perlu ditentukan berdasarkan baki cahaya matahari (illumination) sebab matahari dah terbenam dan ianya berada di zon senja (twilight).

²⁴ Maksud penuh hadis tersebut;

menjelaskan kepada para sahabat tentang waktu solat sunat fajar yang dikerjakan sebelum solat Subuh setelah bintang-bintang jatuh.²⁵

Terdapat banyak juga hadis yang menceritakan Nabi SAW solat jamak jamak ta'akhir Maghrib dan Isyak apabila telah masuk waktu malam dan bintang-bintang mulai banyak di langit.²⁶ Nabi juga pernah menjelaskan kepada para sahabat tentang waktu solat sunat fajar yang dikerjakan sebelum solat Subuh setelah bintang-bintang jatuh.

KESIMPULAN

Setelah meneliti hadis-hadis Nabi SAW, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat dua perkataan yang sering digunakan oleh Nabi SAW bagi merujuk kepada bintang iaitu perkataan *al-Najm* yang jamaknya *al-Nujūm* dan perkataan *al-Kawkab* yang jamaknya *al-Kawākib*. Selain daripada itu, Nabi juga pernah menggunakan perkataan *al-Thurayya* untuk merujuk kepada bintang dan penggunaan kalimah *al-Thurayya* ini berkemungkinan kerana bintang *thurayya* merupakan bintang yang paling dikenali oleh bangsa Arab dan ia menjadi petunjuk kepada urusan kehidupan mereka terutamanya dalam bidang pertanian. Terdapat beberapa tujuan Nabi SAW menggunakan perkataan ini dan antara tujuan utamanya ialah sebagai satu analogi kepada sebuah kehebatan, ketinggian dan kemuliaan. Contohnya kehebatan nikmat syurga, ketinggian darjat para sahabat, orang-orang yang saleh dan para alim ulama yang menjadi contoh teladan kepada umat manusia. Selain itu perkataan bintang juga digunakan bagi sesuatu hukum sama ada berkaitan dengan akidah dan juga syariat. Penggunaan kalimah-kalimah tersebut dalam hadis-hadis Nabi sebenarnya menggambarkan makna sebenar kalimah *al-Najm* dan *al-Kawkab* yang boleh digunakan bagi maksud bintang mahupun planet-planet.

RUJUKAN

Ahmad Irfan, Ikmal Hisham and Ishak, Suliaman (2015) *Penyelewengan Fakta Mengenai Femonena Falak; Keperluan Penyelidikan Tematik Ḥadīth Berkaitan Objek Selestial Di Dalam Al-Kutub Al-Sittah*. In: Seminar Antarbangsa Sunnah Nabawiah (MUSNAD III), 27-28 Oktober 2015, Universiti Malaya Kuala Lumpur. pp. 1-32.

Dliya Ul Fikriyyah, *Teloh aplikasi hadis (lidwa pusaka)*, Vol. 17, No. 2, Juli 2016, Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis

Matahari telah terbenam, sementara aku berada di samping Abdullah bin Umar, lalu kami berangkat. Ketika kami tahu waktu telah sore, kami berkata; "Waktu shalat telah tiba!." Namun Ibnu Umar masih tetap berjalan, hingga mega merah telah hilang dan bintang-bintang mulai muncul, kemudian Ibnu Umar singgah untuk menjama' dua shalat tersebut (Maghrib dan Isya), lalu dia berkata; "Aku pernah melihat Rasulullah SAW, apabila dalam suatu perjalanan mengalami kepayahan, beliau mengerjakan dua shalat ini." (Abu Dawud 1029)

²⁵ Maksud penuh hadis tersebut;

Yang dimaksud shalat setelah berlalunya bintang adalah dua rakaat sebelum fajar.(Tarmizi 3197)

²⁶ Maksud penuh hadis tersebut;

Matahari telah terbenam, sementara aku berada di samping Abdullah bin Umar, lalu kami berangkat. Ketika kami tahu waktu telah sore, kami berkata; "Waktu shalat telah tiba!." Namun Ibnu Umar masih tetap berjalan, hingga mega merah telah hilang dan bintang-bintang mulai muncul, kemudian Ibnu Umar singgah untuk menjama' dua shalat tersebut (Maghrib dan Isya), lalu dia berkata; "Aku pernah melihat Rasulullah SAW, apabila dalam suatu perjalanan mengalami kepayahan, beliau mengerjakan dua shalat ini." (Abu Dawud 1029)

(Kamus Dewan Edisi Keempat), <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=bintang>

Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar (1994), Tafsir Ibnu Katsir. Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh (ed.). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i

Muhammad bin 'Ali bin Jamil al-Mitri (2014), *Al-Tanbih 'Ala 'adam al-Farq Bayn al-Kawātib wa al-Nujūm fi Lugah al-Qur'an*, artikel ilmiah yang diterbitkan dalam <https://www.alukah.net/sharia/0/78736/>

Al-Allamah Bakr bin Zayd (1996), *Mu'jam al-Manahi al-Lafziyyah*, Riyad, Dar al-'Asimah.

Siddiq Hassan Khan (1992), *Fath al-Bayan*, Beirut, Maktabah al-'Asriyyah

Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2005), *Fath al-Bari*, Syarah Sahih al-Bukhari, Kaherah, Maktabah al-Salafiyah,

Abu 'Abdullah Syarf al-Haq al-Abadi, *'Aun al-Ma'bud Ala Syarh Sunan Abu Dawud*, Dar Ibn Hazm

Yazid bin Abd al-Qadir Jawas (2006), Syarah 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamma'ah, (terj.) Bogor, Pustaka Imam Syafii,

M. Quraish Shihab (2012), *al-Lubab, Makna, Tujuan dan Pelajaran Dari Surah-surah al-Quran*, Penerbit Lentera Hati.

Umar Sulaiman al-Asyqar (2019), *Surga dan Neraka: Menurut al-Qur'an dan as-Sunnah*, Qisthi Press, Jakarta.

Mulla Ali al-Qari (2001), *Mirqat al-Mafatih syarh Misykat al-Masabih*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,

al-'Askariy, al-Ḥasan ibn 'AbdiLlāh ibn Sahl. (1412H). *Mu'jam al-Furūq al-Lughawiyah*. Ed. BaytuLlāh Bayyāt. Cet. 1, Qom: Mu'assasat al-Nashr al-'Islāmiy. hlmn. 459)